

# Najib jumpa Keng Yaik, Kayveas minggu depan

Sidang Parlimen masa sesuai selesai perbalahan Gerakan, PPP

Oleh Ahmad Ghazali Musa dan Rosli Abd Jalil

**P**EKAN: Datuk Seri Najib Razak akan berjumpa Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M. Kayveas bagi menyelesaikan perbalahan membabitkan kedua-dua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN), minggu depan.

Tanpa memberitahu sama ada perjumpaan itu dilakukan serentak atau berasingan, Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau akan memanggil kedua-dua pemimpin terbabit pada masa sesuai, iaitu ketika sesi Persidangan Parlimen.

“Tidak wajar diteruskan perbalahan ini kerana dasar BN ialah kita sokong antara satu sama lain, tidak kira siapa bertanding di mana-mana kawasan pun kita sokong antara satu sama lain.

“Kalau kita kaitkan boikot dan sebagainya, ia tidak boleh diterima kepimpinan BN. Kita akan cari penyelesaian. Kita akan panggil kedua-dua pemimpin ini pada masa sesuai, iaitu ketika sesi persidangan Parlimen, minggu depan.

“Saya akan bercakap dengan Kayveas dan Dr Lim. Sama ada dilakukan serentak atau berasingan terulang kepada saya,” katanya selepas Majlis Ramah Mesra dan Makan Tengahari Warga Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Daerah Pekan di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah, di sini, semalam.

Kemelut antara Gerakan dan PPP masih tidak reda, apabila Kayveas mencabar Dr Lim melepaskan jawatan menteri, kelmarin, jika terbukti dia memutarbelitkan fakta mengenai pergolakan kedua-dua parti politik itu.

Kayveas juga menyatakan kesediaan melepaskan jawatan Timbalan Menteri dan Presiden PPP, sekali gus berundur daripada arena politik, se-



**BERAMAH MESRA:** Najib bersalaman dengan sebahagian penduduk pada Majlis Ramah Mesra Rakyat Bersama Pemimpin di Sekolah Kebangsaan Jaya Gading dekat Kuantan, semalam.

kiranya ada bukti menunjukkan beliau cuba mengelirukan rakyat dengan mengemukakan bukti tidak berasas.

Ahad lalu, Dr Lim yang juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menafikan pernah membuat kenyataan

**“Tidak wajar diteruskan perbalahan ini kerana dasar BN ialah sokong antara satu sama lain”**

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

bahawa PPP tutup dalam tempoh lima tahun dan mempertikaikan dakwaan beliau dipecat daripada MCA pada 1969, sedangkan beliau masih menjadi Menteri MCA pada 1972.

Sebelum ini, Najib menasihatkan kedua-dua parti itu segera mencari jalan penyelesaian berhubung pertelagahan antara mereka.

Sementara itu, pada majlis sama, Najib meminta rakyat tidak keliru permainan politik pembangkang yang tidak konsisten dalam pendiriannya memboikot pilihan raya, apabila memutuskan bertanding pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap, Melaka.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pembangkang tidak tetap pendirian dalam memboikot pilihan raya, sejak di DUN Batu Talam lagi kerana

pada pilihan raya kecil itu mereka masih memberi ceramah dan berkempen meminta pengundi tidak keluar.

“Mereka memang tidak konsisten, kenapa boikot di Batu Talam, tetapi kali ini mereka mahu bertanding. Di Batu Talam lagi kononnya boikot, tetapi kenapa adakan ceramah dan suruh pengundi jangan keluar.

“Bagaimanapun, jika rakyat tetap dengan pendirian mereka, maka apa yang mereka sarankan akhirnya tidak berjaya, kononnya boikot di Batu Talam, tapi jumlah yang keluar mengundi tinggi, akhirnya mereka hilang wang deposit,” katanya.

Mengenai persediaan BN menghadapi pilihan raya kecil itu, Najib berkata, BN membuat persiapan rapi tanpa menunggu siapakah calon yang bertanding kerusi DUN itu.